

28/01/2003

Isu air: Singapura perlu henti tuding jari kepada Malaysia

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Malaysia semalam meminta Singapura berhenti menuding jari berhubung isu air, sebaliknya mengakui kesalahan sendiri serta berusaha menjadi jiran yang baik.

Merujuk penyiaran 19 surat di antara pemimpin kedua-dua negara pada 2000

dan 2001 oleh Singapura, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata tindakan itu hanya membuktikan mereka tidak jujur dalam rundingan selama ini.

Sambil menyatakan Malaysia tidak pernah atau bercadang mengambil tindakan serupa, beliau berkata Singapura harus belajar menjadi jiran yang baik jika republik itu tidak suka dengan reaksi yang diberikan jirannya.

"Saya tidak mahu berkonflik dengan orang lain...tetapi bukan cara kita untuk menyiarkan surat di antara pemimpin berhubung perkara yang dirundingkan...apa yang mereka cuba buktikan? Ia hanya menunjukkan mereka tidak jujur dalam hal ini.

"Hanya mereka yang tidak yakin dengan kebenaran diri akan cuba membuktikan bahawa mereka adalah benar," katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Forum Perniagaan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di sini semalam.

Kelmarin, Singapura mula menyiarkan tiga daripada 19 surat antara pemimpin Malaysia dan Singapura menerusi Straits Times, akhbar milik Singapore Press Holdings.

Surat berkenaan menunjukkan `bagaimana Malaysia bersetuju untuk meningkatkan harga air daripada tiga sen kepada 45 sen bagi setiap seribu gelen air dan kemudian menukar kepada 60 sen bagi seribu gelen dengan harganya akan dikaji semula setiap lima tahun'.

Semalam akhbar berkenaan menerbitkan lima surat lagi yang `memperincikan bagaimana Malaysia menukar lagi kedudukannya walaupun satu perjanjian hampir dicapai'.

Pada bahagian akhir hari ini, akhbar itu menjanjikan akan menyiarkan surat yang menunjukkan bagaimana Malaysia menarik keluar isu air daripada pakej isu dua hala yang akan dibincangkan, sebagai satu perjanjian tersendiri tanpa notis awal kepada Singapura.

Menteri Luar Singapura, S Jayakumar memberitahu Parlimen Sabtu lalu bahawa `penyiaran itu perlu bagi menjelaskan keadaan sebenar dan memberi peluang kepada orang ramai untuk mengadili sendiri dakwaan yang sedang dibuat oleh pihak Malaysia'.

Beliau mendakwa pemimpin dan media Malaysia berterusan menyelar Singapura sejak beberapa tahun lepas, termasuk menyifatkannya sebagai `angkuh', `tidak mempunyai semangat kejiranan' dan `mencari keuntungan' daripada air yang dibekalkan kepada republik itu.

Antara surat yang disiarkan ialah yang bertarikh 24 Ogos 2000,

daripada

Menteri Kanan, Lee Kuan Yew, kepada Menteri Kewangan pada masa itu, Tun Daim Zainuddin; surat bertarikh 21 Februari, 2001, daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kepada Lee; dan surat bertarikh 23 April, 2001, daripada Lee kepada Dr Mahathir.

Bagaimanapun, kesahihan surat berkenaan tidak dapat disahkan kerana apa

yang disiarkan menerusi laman web Straits Times hanyalah versi format dokumen mudahalih (PDF) yang diolah, bukan gambar surat asal berkenaan.

Menafikan dakwaan Singapura itu, Syed Hamid berkata Malaysia tidak meminda kadar cadangan semakan harga air sesuka hati ketika rundingan dijalankan, tetapi hanya membuat cadangan dengan mengambil kira kadar pasaran dan komersial seperti diminta Singapura.

Sebaliknya, Singapuralah yang bertindak tidak rasional apabila menafikan hak Malaysia untuk menyemak semula harga air ketika rundingan dijalankan.

"Apabila (Menteri Kanan) Lee Kuan Yew datang dan cadangkan 30 sen, kita

kata tak boleh. Kemudian dia cadang 45 sen dan kita cadangkan ia dirundingkan pada harga 60 sen tetapi mereka tak setuju. Tetapi ketika rundingan dijalankan mereka menyatakan kita tidak punyai hak untuk mengkaji," katanya.

Syed Hamid berkata, tindakan Singapura itu tidak memungkinkan rundingan mencapai hasil yang boleh diterima kedua-dua negara atau bersifat sama-sama menang.

"Dengan mengekalkan status quo, Singapura akan mendapat faedah sedangkan

Malaysia akan terus kerugian disebabkan harga yang tidak munasabah yang mereka bayar untuk air mentah," katanya

Mengenai rundingan semakan harga air dan kesediaan Singapura merujuknya

kepada penimbang tara, Syed Hamid berkata republik itu sudah memutuskan untuk tidak lagi berunding dan Malaysia akan mengambil tindakan perlu.

"Singapura sudah membuat keputusan muktamad, tak ada rundingan lagi," katanya.